

Dasar Kebersihan Negara bermula dengan rakyat yang bertanggungjawab

BH ONLINE | Ahad, 3 November 2019 | 2:43pm



KETUA Menteri Melaka, Adly Zahari menyempurnakan Majlis Pelancaran Kebersihan Negara di Bemban, Melaka, hari ini. Turut hadir, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin. - Foto Khairunisah Lokman

JASIN: Sokongan dan kerjasama rakyat akan merealisasikan Malaysia sebagai sebuah negara lebih sejahtera, bersih dan aman dalam menguruskan sisa pepejal dan sampah dengan cara yang baik menerusi Dasar Kebersihan Negara.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata justeru, pelbagai inisiatif boleh dilaksanakan berpandukan garis panduan dasar berkenaan termasuk menggalakkan minat rakyat menjadikan budaya mengumpul sampah sebagai sumber pendapatan sampingan atau 'Trash to Cash'.

"Saya rasa tidak mungkin kita (kerajaan) boleh buat sendiri, sebab itu kita melancarkan bumbung komuniti (sekretariat) dan persatuan penduduk menjadi ejen yang dapat memastikan bahawa kawasan perumahan dapat dijaga dengan baik.

"Mereka (persatuan) akan diberikan taklimat untuk memastikan program kitar semula di dalam kawasan (perumahan) berjalan lancar sekali gus menjadi pemantau supaya penduduk tidak membuang sampah merata-rata," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Dasar Kebersihan Negara sempena Sambutan Hari Habitat Sedunia 2019 peringkat Malaysia, Sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan 2019 dan perasmian Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti (SMK) PPR Tehel, di Bemban, di sini, hari ini.

Perasmian program disempurnakan oleh Ketua Menteri Melaka, Adly Zahari yang turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad Baharuddin Shah dan Setiausaha kementerian, Datuk Seri Mohammad Mentek.

Pelaksanaan dasar bermula tahun depan sehingga sehingga 2030 itu memberi fokus kepada lima kluster bersama 14 strategi komprehensif, selain menggariskan 87 pelan